

PENILAIAN HADITH BERKAITAN LIWAT DALAM KITAB *TANBIH AL-GHAFILIN* OLEH OLEH SHEIKH ABDULLAH ABDUL MUBIN

Mohd Fauzi Mohd Aminⁱ, Abdulloh Salaehⁱⁱ

ⁱ (Penulis Koresponden). Pengerusi Lajnah Tahqiq Hadith KDN, Exco Majlis Profesor, Universiti Sains Islam Malaysia, USIM, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. fauziamin@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, USIM, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. abdullah@usim.edu.my

Abstrak

Kitab Tanbih Al-Ghafilin telah ditulis oleh Sheikh Abdullah bin Abdul Mubin. Kitab ini adalah kitab berbahasa Melayu dengan tulisan jawi, cetakan kertas kuning. Bab-bab yang terkandung dalam kitab ini sebanyak dua belas bab. Kitab ini memuatkan sebilangan besar hadith-hadith Rasulullah SAW, hadith-hadith yang dibawa sebahagian besarnya tidak dinyatakan sumbernya, juga statusnya samada sahih, hasan, daif dan maudhu'. Sebahagian besar juga hanya diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu tanpa menyatakan matan asal dalam Bahasa Arab. Dalam bab kelima iaitu berkaitan menerangkan balasan akibat berliwat didapati banyak hadith-hadith nabi dinyatakan. Hadith tersebut tidak dinyatakan sumber, sanad, matan arab dan statusnya samada sama ada sahih atau dhaif serta maudu'.

PENDAHULUAN

Artikel ini akan membuat penilaian terhadap hadith-hadith dalam kitab Tanbih al-Ghafilin yang ditulis oleh oleh Sheikh Abdullah bin Abdul Mubin, kitab ini membicarakan hadith-hadith berkaitan dosa-dosa besar, kitab ini mengandungi dua belas bab. Hadith yang akan dinilai ialah dalam bab kelima iaitu seksa akibat melakukan liwat. Hadith yang dituliskan berkaitan liwat dalam bab lima ini tidak dinyatakan sumber ambilannya dan sanadnya, tidak dinyatakan daripada kitab-kitab hadith, tidak diterangkan status hadith samada sahih, hasan, dhaif dan sebagainya. Penulis akan menulis semula kandungan dalam bab kelima dalam tulisan rumi dan semua hadith-hadith yang terdapat di dalamnya, seterusnya akan membuat penilaian hadith tersebut. Dalam menentukan status hadith penulis berpegang dan berpandukan pandangan ulamak hadith yang muktabar. Hasil kajian secara umumnya penulis mendapati ada beberapa hadith sahih, hadith hasan, hadith dhif, hadith maudhu' dan ada juga hadith yang tidak dijumpai dalam kitab-kitab hadith setelah carian dibuat dan menggunakan semua jenis takhrij hadith yang telah ditetapkan oleh ulamak hadith. Semua penilaian dan komentar hadith akan dinyatakan dalam nata kaki artikel ini.

HADITH-HADITH DALAM MENERANGKAN BALASAN AKIBAT BERLIWAT

Bab kelima dalam kitab ini ialah pada menyatakan seksa orang yang berliwat, pengarang memulakan dengan membawa firman Allah Ta'ala ¹ ﴿أَتَأْتُونَ الذَّكَرَانَ مِنَ الْعَالَمِينَ﴾.

Bermaksud (*Mengapakah kamu mendatangi jenis lelaki di antara manusia (berbuat homoseks)*) Iaitu hubungan seks lelaki sama lelaki lain daripada sekalian alam. Perbuatan keji ini dijelaskan dalam hadith seperti berikut:

(وقال النبي ﷺ من عمل قوم لوط فاقتلوا الفاعل والمفعول)

Dan telah bersabda Nabi ﷺ, barang siapa mengerjakan pekerjaan kaum Nabi Allah Luth, maka hendaklah bunuh orang yang melakukannya dan orang yang diperlakukannya².

¹ Al-Quran. Surah Asy-Syu'ara' 26: 165.

² Lafaz hadis tersebut diriwayatkan oleh At-Tirmizi, Abu Daud dan Ibn Majah dengan sanad mereka daripada Ibnu Abbas daripada Nabi ﷺ

"من وجدتموه يعمل عمل قوم لوط، فاقتلوا الفاعل، والمفعول به" (At-Tirmizi 1980. 5: 21; Abu Daud 6: 2656).

Menurut Az-Zahabi, sanad hadis ini adalah sahih (Az-Zahabi 1978. 4: 355) dan menurut At-Tirmizi menyebutkan hadis ini juga telah diriwayatkan oleh 'Asim Bin 'Amr dengan sanadnya daripada Abu Hurairah daripada Nabi ﷺ

"اقتلوا الفاعل والمفعول به".

Menurut At-Tirmizi, sanad hadis ini telah dipertikaikan di mana pada sanadnya terdapat A'sim Bin Al-Amr dan menurut At-Tirmizi, beliau adalah *daif* (lemah) di sudut hafazannya (At-Tirmizi 1980. 5: 22).

Diriwayatkan oleh Ibnu Majah dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas daripada Nabi ﷺ

"من وجدتموه يعمل عمل قوم لوط فاقتلوا الفاعل والمفعول به"

(Ibnu Majah tanpa tarikh. 2: 856).

Diriwayatkan juga oleh Ibnu Majah dengan lafaz yang berbeza dengan sanadnya daripada Abu Hurairah daripada Nabi ﷺ

"عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: فِي الَّذِي يَعْمَلُ عَمَلَ قَوْمِ لُوطٍ قَالَ: "ارْجُمُوا الْأَعْلَى وَالْأَسْفَلَ ارْجُمُوهُمَا جَمِيعًا"

(Ibnu Majah tanpa tarikh. 2: 856). Al-Albani menyatakan hadith ini adalah *hasan lighairihi*.

Diriwayatkan oleh Al-Baihaqi dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas daripada Nabi ﷺ

"مَنْ وَجَدْتُمُوهُ يَعْمَلُ عَمَلَ قَوْمِ لُوطٍ فَاقْتُلُوا، الْفَاعِلَ وَالْمَفْعُولَ بِهِ"

(Al-Baihaqi 1354 H. 8: 232).

Diriwayatkan oleh Al-Baihaqi dalam *Sunan Al-Kubra* dengan lafaz yang berbeza dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas daripada Nabi ﷺ

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: "مَنْ وَقَعَ عَلَى الرَّجُلِ فَاقْتُلُوهُ، يُعْنَى قَوْمَ لُوطٍ"

(Al-Baihaqi 1354 H 8: 232).

Diriwayatkan oleh Al-Hakim dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas daripada Nabi ﷺ

"من وجدتموه يعمل عمل قوم لوط فاقتلوا الفاعل والمفعول به"

Telah berkata Ibnu Abbas r.a: Bermula had (hukuman) orang yang melakukan liwat itu bahawa dilontarkan dengan batu pada tempat yang tinggi hingga mati. Maka

Menurut Al-Hakim sanad hadis ini adalah sahih (Al-Hakim 1978. 4: 355).

Diriwayatkan juga oleh Al-Hakim dengan lafaz yang berbeza daripada sanadnya daripada Abu Hurairah daripada Nabi ﷺ

"من عمل قوم لوط فارجموا الفاعل والمفعول به"

(Al-Hakim 1978. 4: 355).

Hadith ini diriwayatkan juga oleh Al-Hakim dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas daripada Nabi ﷺ dengan lafaz

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: "مَنْ وَجَدْتُمُوهُ يُعْمَلُ عَمَلُ قَوْمِ لُوطٍ، فَاقْتُلُوا الْفَاعِلَ وَالْمَفْعُولَ بِهِ، وَمَنْ وَجَدْتُمُوهُ يَأْتِي بِبَيْمَةٍ، فَاقْتُلُوهُ وَاقْتُلُوا الْبَيْمَةَ مَعَهُ"

dan menurut Al-Hakim juga, penambahan di akhir hadis ini iaitu

"ومن وجدتموه يأتي ببيمة فاقتلوه واقتلوه البيمة معه"

Ia terdapat *syahidnya* (Al-Hakim 1978. 4: 355). Menurut Az-Zahabi sanad hadis ini adalah sahih (Az-Zahabi 1978. 4: 355).

Diriwayatkan juga oleh Al-Hakim dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas daripada Nabi ﷺ lafaznya seperti berikut:-

"في الذي يأتي البيمة اقتلوا الفاعل والمفعول به"

(Al-Hakim 1978. 4: 355).

Hadith ini diriwayatkan juga oleh Abu Daud dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas daripada Nabi ﷺ

"من وجدتموه يعمل عمل قوم لوط فاقتلوا الفاعل والمفعول به"

(Aabadi 1979. 12:153).

Diriwayatkan juga oleh Ahmad dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas daripada Nabi ﷺ

"من وجدتموه يعمل عمل قوم لوط فاقتلوا الفاعل والمفعول به"

(Ahmad 1995. 3: 219). Menurut Ahmad Muhammad Shakir, sanad hadis ini adalah sahih (Muhammad Shakir 1995. 3: 219).

Diriwayatkan oleh Ahmad dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas daripada Nabi ﷺ dengan lafaz yang sedikit berbeza

"اقْتُلُوا الْفَاعِلَ وَالْمَفْعُولَ بِهِ، فِي عَمَلِ قَوْمِ لُوطٍ، وَالْبَيْمَةَ وَالْوَاقِعَ عَلَى الْبَيْمَةِ، وَمَنْ وَقَعَ عَلَى ذَاتِ حَرْمٍ، فَاقْتُلُوهُ"

(Ahmad 1995. 3: 217). Menurut Ahmad Muhammad Shakir pentahqiq musnad Ahmad, sanad hadis ini adalah *hasan* (Muhammad Shakir 1995. 3: 217).

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Ahmad dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas secara *mauquf* (berhenti kepada Sahabat)

"أنه قال في الذي يأتي البيمة: أقتلوا الفاعل والمفعول به"

(Ahmad 1995. 3: 219). Menurut Ahmad Muhammad Shakir, sanad hadis ini adalah sahih (Muhammad Shakir 1995. 3:219).

Al-Munzari telah menyebut di dalam *al-Tarhib Wa al-Tarhib*, hadis daripada Ibnu Abbas daripada Nabi ﷺ ini seperti berikut:-

"من وجدتموه يعمل عمل قوم لوط فاقتلوا الفاعل والمفعول به"

Hadith ini diriwayatkan oleh Abu Daud, Tirmizi, Ibnu Majah dan Baihaqi. Kesemua sanad mereka terdapat Amr Ibn Amr daripada I'krimah daripada Ibnu Abbas dimana Amr Ibn Amr telah diterima hujah "*ihtajju bih*" oleh Al-Bukhari dan Muslim dan juga oleh selain daripada keduanya dan menurut Ibnu Mai'in, beliau adalah *thiqah* (dipercayai) (Al-Munzari 1968. 3:288).

bahawasanya Allah Ta'ala merejam kaum Luth dengan batu dari langit dan jika dimandikan orang yang berliwat itu dengan segala air di dunia ini nescaya tiada hilang najis pada tubuhnya hingga mati. Maka apabila zina lelaki, bergeraklah Arasy dan berpeganglah segala malaikat pada tiang Arasy serta membaca surah al-Ikhlash hingga hilang bergerak (bergerag) Arasy tuhan³.

³ Didapati lafaz hadis ini terbahagi kepada tiga bahagian. Pada bahagian pertama iaitu sebagaimana yang disebut oleh Az-Zahabi dalam Al-Kabair tanpa sanad tetapi hanya disandarkan kepada Ibnu Abbas dengan lafaz

"ينظر أعلى بناء في القرية فيلقى منه ثم يتبع بالحجارة كما فعل فعل يقوم لوط"

Dengan lafaz yang berbeza, hadis tersebut telah diriwayatkan oleh Al-Baihaqi dalam *Syi'ibu Al-Iman* dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas secara *mauquf* (berhenti)

4:357). (Al-Baihaqi 1990. "ينظر على بناء في القرية فيلقى منه ثم يتبع بالحجارة كما فعل فعل يقوم لوط"

Hadis tersebut juga diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah dalam *Al-Musnif Fi al-Ahadis Wa al-Athar* dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas secara *mauquf* (terhenti kepada Sahabat)

"ينظر على بناء في القرية فيلقى فيرمى به منكسا ثم يتبع بالحجارة" (Ibnu Abi Syaibah 1989. 5:496).

Dalam Al-Quran peristiwa Allah merejam kaum Luth dengan batu dari langit disebabkan perbuatan keji mereka itu dapat dilihat dalam firman Allah di dalam Surah Hud iaitu

فَلَمَّا جَاءَ أَمْثُرُنَا جَعَلْنَا غَالِيَهَا سَافِلَهَا وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهَا حِجَارَةً مِنْ سِجِّيلٍ مُنْقُودٍ. مُسَوِّمَةً عِنْدَ رَبِّكَ وَمَا هِيَ مِنَ الظَّالِمِينَ بِعِيدٍ. (Hud 11:82,83).

Maksudnya: Maka apabila datang (masa pelaksanaan) perintah kami, kami jadikan negeri kaum Luth itu tunggang balik (tertimbus segala yang ada di muka buminya), dan kami menghujannya dengan batu-batu dari tanah yang dibakar, menyimpannya bertalu-talu, batu-batu itu ditandakan di sisi tuhan mu (untuk membinasakan mereka), dan ia pula tidaklah jauh dari orang-orang yang zalim (Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian Al-Quran 1982:528).

Al-Baghawi telah menjelaskan permasalahan hukum had (balasan) terhadap orang yang melakukan liwat dalam *Syarah As-Sunnah*, menurutnya ulama telah berselisih pendapat tentang hukum had terhadap orang yang berliwat di mana setengah pendapat menyatakan hukum hadnya sama dengan hukum had zina iaitu jika sudah berkahwin hendaklah direjam, dan bagi yang belum berkahwin hendaklah disebat seratus kali sebatan. Ini adalah pendapat Sa'ed Bin Musayyab, Ata' Bin Abi Rabah, Al-Hasan, Qatadah, An-Nakha'i, As-Thauri, Al-Auzai', Abu Yusuf, Muhammad dan Azhar Qauli As-Syafi'e dan hukuman ke atas *mafu'ul bih* di sisi Syafi'e adalah seratus sebatan dan dibuang daerah setahun "*taghrib a'am*". Hukuman ini adalah sama ada lelaki ataupun perempuan, sama ada *muhsan* (sudah berkahwin) atau bukan *muhsan* (belum berkahwin). Menurut pendapat ulama yang lain, hukuman orang yang berliwat adalah direjam sama ada *muhsan* atau bukan *muhsan*. Ini adalah diriwayatkan oleh Sai'd Bin Jubair dan Mujahid daripada Ibnu Abbas dan juga diriwayatkan oleh As-Sya'bi dan Az-Zuhri. Menurut Al-Baghwi lagi, pendapat ini adalah pendapat Malik, Ahmad dan Ishak serta menurut pendapat setengah daripada mazhab Syafi'e, hendaklah dibunuh kedua-duanya iaitu *al-fa'il* dan *al-mafu'ul bih* sebagaimana zahir hadis di atas, dan di sisi Abu Hanifah pula hendaklah dikenakan *ta'zir*, bukannya dihukum had (Al-Baghwi 1983. 10:309).

Pada bahagian kedua Al-A'jluni menyebutkan dalam kitabnya *Kasyfu al-Khafa'* dengan menyebutkan bahawa hadis ini terkandung dalam kitab *al-Mawdu'at* oleh Ibn Al-Jawzi, dan menyebutkan dalam kitab *al-Maqasid* bahawa makna hadis ini adalah batil (Al-A'jluni 1985. 2: 201), lafaz hadis tersebut telah diriwayatkan oleh Ad-Dailami dengan sanadnya daripada Abu Hurairah secara marfu'

"الْمُتَلَوِّطُ لَوْ اغْتَسَلَ بِكُلِّ قَطْرَةٍ تَنَزَّلَ مِنَ السَّمَاءِ عَلَى وَجْهِ الْأَرْضِ إِلَى أَنْ تَقُومَ السَّاعَةُ لَمَا طَهَّرَهُ اللَّهُ مِنْ نَجَاسَتِهِ أَوْ يَتُوبُ" (Ad-Dailami 1986 4:198)

Bersabda Nabi SAW lagi: Tujuh kaum disiksa terlalu pedih, pertama *fai'l* (peliwat), kedua *mafu'l* (yang kena liwat) yakni liwat, ketiga yang berzina dengan perempuan pada duburnya, keempat zina dengan binatang, kelima zina dengan perempuan dan anaknya, keenam zina dengan perempuan yang sudah bersuami, dan ketujuh orang yang menyakiti orang sekampung dengannya melainkan bahawa dia bertaubat⁴.

Riwayat lain oleh Ad-Dailami dengan sanadnya daripada Anas bin Malik secara *marfu'*

لو اغتسل المتلوط بماء البحر جميعا لم يجيء يوم القيامة الا جنبا". (Ad-Dailami 1986. 3:373).

Menurut As-Sakhawi, hadis yang diriwayatkan oleh Ad-Dailami ini adalah *batil* (As-Sakhawi 1985:544).

Al-Kanani telah menyebut hadis di atas terdapat dalam kitab *Tanzih al-Syariah* iaitu dengan lafaz:-

"لو اغتسل المتلوط بماء البحر جميعا لم يجيء يوم القيامة الا جنبا".

Hadis ini telah diriwayatkan oleh Al-Khatib daripada Anas dan menurut Al-Kanani, kesemua *rijal* nya adalah *thiqah* kecuali Muhammad bin Al-Abbas Bin Suhail dan dialah yang memalsukan hadis ini. (Al-Kanani 1981.2:220). Lafaz hadis tersebut pada bahagian yang ketiga dapat dikesan kecuali telah disebutkan oleh Az-Zahabi di dalam *Al-Kabair* dengan *Sighah At-Tamrid* iaitu

"وروي انه اذا رطب الذكر اهتز عرش الرحمن خوفا من غضب الله تعالى، وتكاد السماوات أن تقع على الأرض فتمسك الملائكة بأطرافها وتقرأ قل هو الله أحد الى آخره حتى يسكن غضب الله عز وجل" (Az-Zahabi 1978:98)

Lafaz ini tidak dapat dipastikan dengan tepat sama ada ia datang daripada sumber asal yang sahih kerana pengarang telah menyebut dengan *Sighah Tamridh*. Dengan lafaz yang berbeza Al-Kanani telah menyebut di dalam *Tanzih al-Syariah* iaitu

"إِذَا عَلَا الدُّكْرُ عَلَى الدَّكْرِ اهْتَزَّ الْعَرْشُ وَقَالَتِ السَّمَوَاتُ يَا رَبِّ مُرْنَا نُحْصِبُهُ وَقَالَتِ الْأَرْضُ مُرْنَا نَبْتَلِغُهُ فَقَالَ دَعُوهُ فَإِنَّ طَرِيقَهُ عَلَيَّ وَوُفُؤُهُ بَيْنَ يَدَيَّ"

Menurut Al-Kanani, sanadnya adalah *waham* (kesamaran) dan matannya pula adalah *maudhu'* (palsu) beliau juga menaqqalkan daripada Ibn Jawzi bahawa hadis ini adalah *maudhu'*, (Al-Kanani 1981. 2:231).

⁴ Lafaz hadis tersebut dapat dikesan kecuali terdapat lafaz yang berbeza atau berlainan iaitu yang diriwayatkan oleh As-Samarqandi dengan sanadnya daripada Abdillah bin 'Amr daripada Nabi SAW.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: "سَبْعَةٌ لَا يَنْظُرُ اللَّهُ، إِيَّاهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَلَا يُرَكِّبُهُمْ، وَيَقُولُ: ادْخُلُوا النَّارَ مَعَ النَّاسِخِينَ، الْفَاعِلُ وَالْمَفْعُولُ بِهِ، وَالنَّاكِحُ يَدَهُ، وَالنَّاكِحُ الْبَهِيمَةَ، وَالنَّاكِحُ الْمَرْأَةَ فِي ذَرْبِهَا، وَالْجَامِعُ بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَالْبَتْنِهَا، وَالزَّائِنُ بِحَلِيلَةِ جَارِهِ، وَالْمُؤَذِّي لْجَارِهِ حَتَّى يَلْعَنَهُ". (As-Samarqandi 1980 1:150).

Diriwayatkan juga oleh Al-Baihaqi di dalam kitab *Syu'abu al-Iman* dengan sanadnya daripada Anas bin Malik daripada Rasulullah ﷺ dengan lafaz

"سبعة لا ينظر الله عز وجل اليهم يوم القيامة ولا يركبهم ولا يجمعهم مع العالمين يدخلهم النار أول الداخلين الا أن يتوبوا الا أن يتوبوا فمن تاب تاب الله عليه الناكح يده والفاعل والمفعول (والمدمن بالخمر) والضارب أبويه حتى يستغيثا والمؤذي جيرانه حتى يلعنوه والناكح حليلة جاره" (Al-Baihaqi 1990. 4:378).

Hadis tersebut diriwayatkan juga oleh Ad-Dailami dengan lafaz yang berbeza daripada lafaz yang disebutkan oleh pengarang dengan sanadnya daripada Anas dan daripada Ibnu 'Amr daripada Nabi

"سبعة لا ينظر الله اليهم يوم القيامة ولا يركبهم ولا يجمعهم مع العالدي ويدخلهم النار مع الداخلين الا أن يتوبوا ومن تاب تاب الله عليه الناكح يده والفاعل والمفعول والمدمن بالخمر

والضارب أبويه حتى يستغيثا والمؤذي جيرانه حتى يلعنوه والناكح حليلة جاره"

Dan hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar terdapat penambahan perkataan "وناكح البهيمه"

(Ad-Dailami 1986. 2:332).

Hadis tersebut diriwayatkan juga oleh Al-Hakim dalam kitab *Al-Mustadrak* dengan sanadnya daripada Abu Hurairah daripada Nabi ﷺ dengan lafaz

Telah berkata Sulaiman Bin Daud 'Alaihi As-Salam bagi (bertanya) kepada Iblis: Khabarkan oleh kamu akan daku apa pekerjaan yang terlebih kasih kepada kamu, maka sembah (jawab) Iblis tiada suatu yang terlebih kasih kepada hamba tuan selain daripada liwat⁵.

Telah bersabda Nabi ﷺ: Telah dilaknatkan oleh Allah Ta'ala atas orang yang mengurangkan makanan dan mengurangkan timbangan atau membesarkan dia dan masuk jamban dengan tiada basuhan iaitu tidak membersihkan daripada najis, kerana sekalian itu perbuatan kaum Luth, dan neraka balasan bagi sesiapa yang mengerjakannya, dan lelaki yang menyerupai perempuan dan sebaliknya⁶.

"لعن الله سبعة من خلقه فرد رسول الله على كل واحد ثلاث مرات ثم قال ملعون ملعون ملعون من عمل قوم لوط ملعون من جمع بي المرأة وابنتها ملعون من سب شيئا من والديه ملعون من اتى شيئا من البهائم ملعون من غير حدود الارض ملعون من ذبح غير الله ملعون من تولى غير مواليه". (Al-Hakim 1978.4:356).

Hukum hadis ini adalah *daif* (lemah) kerana pada sanadnya terdapat Harun At-Taimi, sebagaimana Az-Zahabi telah menyebut dalam *Mizan Al-Itidal* dengan memetik pendapat Al-Bukhari bahawa Harun At-Taimi "*la yattabi'u fi hadisihi*" beliau memetik juga pendapat An-Nasai' bahawa Harun adalah *daif* dan beliau memetik juga pendapat Ibnu Hibban bahawa Harun "*la yajuzu ihtijaj bih*" (tidak harus berhujjah dengannya) (Az-Zahabi tanpa tarikh. 4:287).

Ibnu Hajar telah menyebutkan hadis ini dalam *Az-Zawajir* dan beliau menyebutkan hadis ini telah diriwayatkan oleh At-Tabrani dalam *Al-Awsath* dengan sanad *rijal* yang sahih kecuali Mahriz dan menurut At-Tirmizi sanad hadis ini adalah *hasan* (baik) (Ibnu Hajar 1970.2:139).

⁵ Hadis ini tidak dapat dikesan dalam sumber kitab-kitab hadis Rasulullah ﷺ setelah kajian dibuat.

⁶ Lafaz hadis tersebut tidak dapat dikesan dalam sumber kitab-kitab hadis Rasulullah ﷺ tetapi didapati lafaz tersebut terdiri daripada tiga hadis yang berasingan yang telah digabungkan menjadi satu hadis dengan lafaz yang berbeza. Lafaz yang pertama iaitu "*telah dilaknatkan Allah Taala atas orang yang mengurangkan makanan dan mengurangkan timbangan atau membesar kendi*". Lafaz yang kedua ialah "*masuk jamban dengan tiada basuhan kerana sekalian itu perbuatan kaum Luth dan neraka balasan bagi barang siapa yang mengerjakannya dan lelaki yang menyerupai perempuan dan sebaliknya*".

Lafaz hadis pada bahagian yang pertama sebagaimana yang disebutkan oleh pengarang tidak dapat dikesan di dalam sumber hadis Rasulullah ﷺ, tetapi maksudnya bertepatan dengan firman Allah taala iaitu:-

3) - (Al-Mutafifin, 83:1) ﴿وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ. الَّذِينَ إِذَا أَكَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ. وَإِذَا كَالُوهُمْ أَوْ وَزَنُوهُمْ يُخْسِرُونَ﴾

Bermaksud "*kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang dalam timbangan dan sukatan, iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (gantang-cupak) dari orang lain, mereka mengambilnya dengan cupak, dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain mereka kurangi*" (Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian Al-Quran 1982:1650).

Sebab turun ayat ini adalah sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas katanya

"لما قدم النبي ﷺ المدينة كانوا من أخبث الناس كيلا. فأنز الله سبحانه (ويل للمطففين) فأحسنوا الكيل بعد ذلك". (Ibnu Majah tanpa tarikh 2:748).

Muhammad Fuad Abdul Baqi telah memetik daripada kitab *Az-Zawaid* yang menyatakan sanad hadis ini adalah hasan kerana Muhammad Bin 'Akil dan Ali Bin Husin sementara baki *rijal* sanadnya adalah *thiqah* (Abdul Baqi tanpa tarikh 2:748).

Hadis tersebut diriwayatkan juga oleh An-Nasa'i dengan sanadnya daripada Jabir katanya

(As-Suyuti 1986. 7:283). "لَمَّا قَدِمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ دَعَا بِمِيزَانٍ فَوَزَنَ لِي وَرَأَدَنِي "

Hadis tersebut diriwayatkan juga oleh Al-Baihaqi dalam kitabnya *Syu'abu Al-Iman* dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas katanya

(Al-Baihaqi 1990. 4:327). "لما قدم رسول الله المدينة كانوا من أحبب الناس كيلا فأنزل الله عز وجل: ويل للمطففين"

Hadis tersebut juga diriwayatkan oleh At-Tabari dalam *Jami' Al-Bayan* dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas katanya

(At-Tabari 1954. 30:91). "لما قدم النبي ﷺ المدينة كانوا من أحبب الناس كيلا، فأنزل الله ويل للمطففين فأحسنوا الكيل"

Menurut Ibnu Hajar dalam kitab *Az-Zawajir*, mengurangkan timbangan adalah dikira sebagai dosa besar kerana memakan harta orang lain secara batil dan dianggap mencuri serta mengkhianat (Ibnu Hajar 1970. 1:245). Hadis pada bahagian yang kedua, lafaz asalnya tidak dapat dikesan dalam sumber kitab-kitab hadis Rasulullah ﷺ, tetapi terdapat lafaz yang berbeza atau berlainan iaitu diriwayatkan oleh Al-Baihaqi dalam *Syu'abu Al-Iman* dengan sanadnya daripada kisah Qabisah Bin Zuaib dengan katanya: aku mendengar Umar bin Al-Khattab berkata

"لا يجل لرجل يدخل الحمام الا بمغزر ولا يجل لامرأة أن تدخل الحمام، فقام رجل: لقد منعتها من حين سمعتك تنهى عن ذلك وانما لسقيمة فقال عمر: الا من سقم"-
Baihaqi 1990.6:159).

Diriwayatkan juga oleh Al-Baihaqi dengan sanadnya daripada Umar bin Al-Khattab katanya

"لا يدخل الحمام الا بمندبل ولا مؤمنة إلا من سقم. فاني سمعت عائشة تقول: ان رسول الله ﷺ كان يقول: (أما امرأة وضعت خمارها في غير بيتها فقد هتكت الحجاب فيما بينها وبين ربها".
(Al-Baihaqi 1990. 6:159).

Diriwayatkan oleh Ibnu Syaibah dengan sanadnya daripada Qatadah bahawa Umar telah menulis

"لا يدخل أحد الحمام إلا بمغز"

Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah daripada Ghalib Al-Qattan bahawa Umar bin Abdul Aziz telah menulis surat kepada amilnya di Basrah iaitu

"يدخلوا الحمام إلا بمغزر اما بعد فإنه من قبلك لك لا." (Ibnu Abi Syaibah 1989:134).

Diriwayatkan juga oleh Ibnu Abi Syaibah dengan sanadnya daripada Sai'd Bin Jubair katanya

"حرام عليه دخول الحمام بغير مغزر". (Ibnu Abi Syaibah 1989:134).

Hadis tersebut diriwayatkan daripada Jabir daripada nabi ﷺ

"لا يدخل أحدكم الماء إلا بمغزر فان للماء عامرا". (Ibnu Adi 1988. 7:195).

Diriwayatkan juga oleh Ibnu 'Adi dengan sanadnya daripada Abu Hurairah

"لا يدخل الرجل الحمام إلا بمندبل ولا تدخل المرأة بمندبل ولا بغير مندبل". (Ibnu 'Adi 1988. 6:374).

Hadis pada bahagian ketiga tersebut telah diriwayatkan oleh ramai perawi hadis. Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas katanya

"لعن رسول الله ﷺ المتشبهين من الرجال بالنساء والمتشبهات من النساء بالرجال". (Ibnu Hajar Al- Asqalani 1959. 12:451).

Diriwayatkan oleh At-Tirmizi dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas katanya

"لعن رسول الله ﷺ المتشبهات بالرجال من النساء والمتشبهين بالنساء من الرجال".

Menurut At-Tirmizi, hadis ini adalah *hasan sahih* (Al-Mabar Kafuri 1964. 8:69).

Hadis tersebut diriwayatkan juga oleh At-Tirmizi dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas katanya

"لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الْمُتَشَبِهَاتِ بِالرِّجَالِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْمُتَشَبِهِينَ بِالنِّسَاءِ مِنَ الرِّجَالِ"

menurut At-Tirmizi, hadis ini adalah *hasan sahih* (Al-Mabar Kafuri 1964. 8:69).

Jadi hadis tersebut diriwayatkan oleh Abu Daud dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas

(Abu Daud tanpa tarikh. 4:60). "لَعَنَ الْمُتَشَبِهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ، وَالْمُتَشَبِهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ"

Diriwayatkan juga oleh Abu Daud dengan sanadnya daripada Abu Hurairah katanya

"وَالْمَرْأَةُ تَلْبَسُ لِبْسَةَ الرَّجُلِ" لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الرَّجُلَ يَلْبَسُ لِبْسَةَ الْمَرْأَةِ. (Abu Daud tanpa tarikh. 4:60).

Diriwayatkan juga oleh Abu Daud dengan sanadnya daripada Ibnu Abi Malikah katanya

(Abu Daud tanpa tarikh. 4:60). "قِيلَ لِعَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: إِنَّ امْرَأَةً تَلْبَسُ التَّعْلَ، فَقَالَتْ: لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الرَّجُلَةَ مِنَ النِّسَاءِ"

Hadis tersebut diriwayatkan juga oleh Ibnu Majah dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas katanya

Ibnu Majah tanpa tarikh. 1:614). (أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَعَنَ الْمُتَشَبِهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ، وَلَعَنَ الْمُتَشَبِهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ"

Hadis tersebut diriwayatkan oleh Ibnu Majah dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas katanya

"إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ لَعَنَ الْمَرْأَةَ تَشْبِهَ بِالرِّجَالِ، وَالرِّجَالَ يَتَشَبَّهُ بِالنِّسَاءِ". (Ibnu Majah tanpa tarikh. 1:614).

Muhammad Fuad Abdul Baqi telah memetik daripada kitab *Az-Zawaid* sebagai menyebut sanad hadis ini adalah *hasan* (baik) kerana pada sanadnya terdapat Ya'kub bin Hamid. Beliau adalah "*mukhtalif*" dan baki *rijal* nya adalah *thiqah* (dipercayai) (Abdul Baqi tanpa tarikh. 1:614).

Hadis tersebut diriwayatkan juga oleh Ahmad dengan sanadnya daripada Abdullah bin 'Amr bin Al-'As daripada Nabi ﷺ

"لَيْسَ مِنْهَا مَنْ تَشَبَّهَ بِالرِّجَالِ مِنَ النِّسَاءِ، وَلَا مَنْ تَشَبَّهَ بِالنِّسَاءِ مِنَ الرِّجَالِ". (Ahmad 1995. 6:352).

Menurut Ahmad Muhammad Shakir, sanad hadis ini adalah *hasan* (baik) (Muhammad Shakir 1995. 6:352). Menurut As-Suyuti, sebagaimana yang disebut di dalam *Majma' Al-Saghir*, hadis daripada Ibnu Umar ini adalah *sahih* (As-Suyuti 1981. 2:465).

Hadis tersebut diriwayatkan juga oleh Ahmad dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas katanya

(Ahmad 1995. 3:360). "لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ، قَالَ حُجَّاجٌ: لَعَنَ اللَّهُ الْمُتَشَبِهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ، وَالْمُتَشَبِهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ"

Menurut Ahmad Muhammad Shakir, sanad hadis ini adalah *sahih* (Muhammad Shakir 1995. 3:360).

Hadis tersebut diriwayatkan juga oleh Ahmad dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas katanya

(Ahmad 1995. 3:330). "إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ لَعَنَ الْوَاصِلَةَ وَالْمَوْصُولَةَ وَالْمُتَشَبِهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ وَالْمُتَشَبِهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ"

Menurut Ahmad Muhammad Shakir, sanad hadis ini adalah *sahih* (Muhammad Shakir 1995. 3-330).

Hadis tersebut diriwayatkan juga oleh Ahmad dengan lafaz yang berbeza dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas daripada Nabi ﷺ

"لَعَنَ الْمُخْتَلِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالْمُتَرَجِّلَاتِ مِنَ النِّسَاءِ، وَقَالَ: أَخْرَجُوهُمْ مِنْ بَيْوتِكُمْ، فَأَخْرَجَ النَّبِيُّ ﷺ فَلَانَا، وَأَخْرَجَ عَمْرَ فَلَانَا". (Ahmad 1995. 2:529).

Menurut Ahmad Muhammad Shakir, sanad hadis ini adalah *sahih* (Muhammad Shakir 1995. 2:529).

Hadis tersebut diriwayatkan juga oleh Ahmad dengan lafaz yang berbeza dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas katanya

(Ahmad 1995. 2:482). "لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الْمُتَرَجِّلَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْمُخْتَلِينَ مِنَ الرِّجَالِ، وَقَالَ (أَخْرَجَهُمْ مِنْ بَيْوتِكُمْ)" قَالَ: فَأَخْرَجَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ فَلَانَا، وَأَخْرَجَ عَمْرَ فَلَانَا"

Menurut Ahmad Muhammad Shakir, sanad hadis ini adalah *sahih* (Muhammad Shakir 1995. 2:482).

Diriwayatkan juga oleh Ahmad dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas katanya

"لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الْمُخْتَلِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالْمُتَرَجِّلَاتِ مِنَ النِّسَاءِ؟، قَالَ: الْمُتَشَبِهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ". (Ahmad 1995. 3:50).

Menurut Ahmad Muhammad Shakir, sanad hadis ini adalah *sahih* (Muhammad Shakir 1995. 3:50).

Hadis tersebut diriwayatkan juga oleh Ad-Darimi dengan sanadnya daripada Ibnu Abbas daripada Nabi SAW

Telah bersabda Nabi ﷺ: Barang siapa mati padahal ia mengerjakan pekerjaan kaum Nabi Allah Luth tiada diam ia di dalam kuburnya melainkan satu saat jua (tidak mendapat ketenangan walau pun satu saat), kemudian maka disuruh Allah Ta'ala seorang malaikat (menyambar) seperti burung, maka disambarnya mayat itu dengan dua kakinya dan diterbangkannya kepada negeri kaum nabi Luth, dan tersurat (tertulis) pada dahinya putusnya ia daripada rahmat Allah⁷.

Juga telah bersabda Rasulullah ﷺ lagi: Akan datang pada hari kiamat beberapa kanak-kanak yang tiada bagi mereka itu kepala, maka berkata Allah Ta'ala kepada mereka itu siapa kamu? Maka sembah sekalian mereka itu kami telah kena aniaya (seksa), maka berkata Allah Ta'ala, siapa yang menganiaya akan kamu?, maka sembah (jawab) mereka itu, bapa kami adalah mereka itu mendatangkan duburnya⁸

KESIMPULAN

Terdapat sebilangan enam hadith yang dihimpunkan berkaitan seksa perlakuan liwat. Ada hadith yang digabungkan daripada tiga hadith menjadi satu hadith. Jumlah hadith sahih satu hadith, hadith maudu' satu hadith, hadith daif satu hadith dan hadith yang tidak dijumpai dalam kitab-kitab hadith sebanyak tiga hadith. Kebanyakan hadith yang takhrijkan adalah menepati makna yang hampir sama dengan hadith dalam kitab. Walaupun tidak sama lafaz tetapi makna yang sama boleh diterima sebagai hadith yang dinyatakan oleh pengarang di dalam kitab ini.

RUJUKAN

- 'Ajjaj al-Khatib, Muhammad Ajjaj al-Khatib. 1981. *Usul al-Hadis U'lumihi wa Mustalahihi*. Dar al-Fikr.
- Abd al-Qadir b. Sheikh al-'Idarus. T.t. *Ta'rif al-Ahya' Bi Fadail al-Ihya'*.
- Abu Ghudah, Abd al-Fattah Abu Ghudah. 1984. *al-Masnu' fi Ma'rifah al-Hadis al-Maudu'*. Dar al-Salam. Bairut. Muqaddimah.

"لعن المختنين من الرجال والمترجلات من النساء، قال أخرجهن من بيوتكم قال فأخرج النبي فلانا وأخرج عمر فلانا أو فلانة قال عبد الله فأشك" (Ad-Darimi tanpa tarikh. 2:280).

⁷ Lafaz hadis tersebut tidak dapat dikesan dalam sumber kitab-kitab hadis rasulullah ﷺ. Setelah dibuat kajian

⁸ Lafaz hadis tersebut tidak dapat dijumpai dalam sumber kitab-kitab hadis rasulullah ﷺ, setelah dibuat kajian.

- Abu Syahbah, Muhammad Abu Syahbah. 1973. *al-Isra'iliyyat wa al-Maudu'at fi kutub al- Tafsir*. Al-Haiah A'mmah. Kaherah.
- Al-Azhari. Muhammad al-Basyir. 1985. *Tahdzir al-Muslimin min al-Ahadis al-Mawdhua'h*. Tahkik Fawwaz Ahmad. Dar al-Kitab al-A'rabi. Bairut.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (1988) *al-Munqiz Min al-Dalal*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-I'raqi, al-Hafiz Zain al-Din al-Iraqi. 1990. *Fath al-Mughith bi Syarh Alfiah al- Hadis*. Maktabah al-Sunnah Kaherah.
- Al-Imam Abu Hamid al-Ghazali (t.t) *Ihya' Ulumiddin, beserta kitab al-Mughni 'An Haml al-Asfar Fi al-Asfar Fi Takhrij Ma Fi al-Ihya' Min al-Akhbar* oleh al-Hafiz al-'Iraqi, ditahqiq dengan seliaan: al-Syeikh 'Abd al-'Aziz 'Iz al-Din al-Sirawan, Beirut: Dar al-Qalam.
- Al-Nawawi, Mahyuddin Abu Zakaria. T.Tarikh. *al-Sahih Muslim bi syarhi al-Nawawi*. Dar Rayyan. Kaherah.
- Al-Nawawi, Mahyuddin Bin Syarf al-Nawawi. 1985. *al-Taqrib wa al-Taisir Li ma'rifat Sunan al-Basyar*. Beirut: Dar al-Kitab.
- al-Qattan, Manna' al-Qattan. 1997. *Mabahith fi Ulum al-Hadis*. Muassasah al-Risalah Bairut.
- Al-Rawi Tahir. *Kamus al-Muhit*. Dar Fikr Bairut.
- Al-Sakhawi, Muhammad Abdul Rahman al-Sakhawi. 1985. *Al-Maqasid al-Hasanah fi Bayan Kathir min al-Ahadis al-Musytahirah a'la al- Alsinah*. Dar al-Kitab. Bairut.
- Al-Sibaei'. Mustafa al-Sibaei'. 1982. *Sunnah wa Makanatuha fi al-Tasyri'*. Al-Maktab al-Islami. Bairut.
- al-Suyuti. Jalaluddin Abdul Rahman Suyuti. 1998. *Al-Laali' al-Masnu'ah*. Dar al-kutub ilmiah Bairut.
- Al-Suyuti. Jalaluddin al-Suyuti. 1966. *Tadrib al-Rawi Syarh Taqrib al-Nawawi*. Dar al-Kutub al-Hadisah. Kaherah.
- Ibn al-Jawzi, Jamluddin Abu al-Faraj Abdul Rahman al-Baghdadi. 1983. *al-Maudu'at*. Dar al-Fikr. Bairut.
- Ibn Hajar, Abu al-Fadhl Ahmad al-Asqalani. 1986. *Lisan al-Mizan*. Muassasah al-A'lami. Bairut.
- Ibn Hajar, Mohd Bin Ali Bin Hajar. 1400H. *Fathu al-Bari bi syarh sahih al-Bukhari*. Hlm 244. al-Salafiah Kaherah.
- Ibn Taimiyyah, Taqiyuddin Ibn Taimiyyah. 1987. *Manhaj Sunnah fi Naqdhi kalam al-Qadariah*. Jamia'h Imam Muhammad Bin Sau'd. Riyadh.
- Muhammad ibn Muhammad al-Zubaydi, *Ittihaf al-saadat al-muttaqin*, Dar al-Fikr, Beirut, t.th.